

# Kakak Dr M dikebumikan

**A** LOR STAR: Jenazah kakak kedua Tun Dr Mahathir Mohamad, Habshah @ Bibi, selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Akar Peluru, Jalan Pegawai, di sini, semalam.

Selain Dr Mahathir dan isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, upacara pengkebumian pada jam 10 pagi itu turut dihadiri kira-kira 200 saudara dan sahabat Allahyarham.

Jenazah Habshah disembahyangkan di Masjid Akar Peluru, kira-kira 100 meter dari situ.

Allahyarham Habshah, 89, meninggal dunia di Pusat Perubatan Kedah jam 1.15 petang kelmarin akibat komplikasi paru-paru selepas dimasukkan ke situ sejak 20 November lalu.

Jenazah Allahyarham dikebumikan bersebelahan kubur kedua ibu bapanya, Allahyarham Wan Tempawan Wan Hanafi dan Allahyarham Mohamad Iskandar.